

09 FEB 1999

G15: KAHERAH AKAN JADI TUAN RUMAH SIDANG KEMUNCAK KE-10 G-15

Oleh: Kuah Guan Oo

MONTEGO BAY, Jamaica, 9 Feb (Bernama) -- Mesir akan menjadi tuan rumah sidang kemuncak ke-10 perkumpulan negara-negara membangun G-15 pada tahun 2000, sementara India telah menawarkan diri menjadi tempat mesyuarat pertubuhan itu untuk persediaan mesyuarat menteri-menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Sumber-sumber rasmi berkata mereka masih belum membuat keputusan mengenai peringkat mesyuarat di India tetapi ia akan diadakan pada peringkat yang sesuai.

WTO mengadakan mesyuarat menteri-menteri ke-3 di Seattle pada November dan perkumpulan 17 negara-negara membangun G-15 sedang menyelaraskan pendirian mereka mengenai isu-isu yang akan dibangkitkan pada mesyuarat itu.

Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam satu sidang berita dengan media Malaysia berkata perkumpulan itu telah membuat keputusan untuk lebih pro-aktif dalam hubungan Utara-Selatan.

"Kami akan bersedia dengan input kami apabila tiba masanya," katanya dengan menegaskan bahawa mereka akan berusaha mewujudkan keadaan kedua-dua pihak mendapat faedah melalui perbincangan mereka dengan negara-negara maju G7.

Syed Hamid juga berkata tidak timbul soal kekurangan korum bagi sidang kemuncak itu yang diadakan di ibukota pelancongan barat laut Jamaica, hanya kerana lapan ketua kerajaan yang menghadirinya.

Korum yang ditetapkan ialah lima ketua dan tiga timbalan ketua kerajaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual tiga di sini lewat petang Isnin untuk menghadiri sidang kemuncak itu,. Beliau diiringi Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

-- BERNAMA

KGO RON